

3755/1

Perdagangan

Kertas 1

September

2009

1¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2009**

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kakulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*


Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Dapatkan skema Jawapan di Laman

1 Pernyataan yang manakah yang **benar** mengenai keperluan manusia?

- A Perlu dipenuhi dahulu
- B Berbeza mengikut zaman
- C Bertujuan menunjukkan status
- D Perlu disusun mengikut keutamaan

2 Rajah 1 adalah berkaitan dengan ciptaan nilai faedah.



Rajah 1

Namakan nilai faedah X dan Y.

	Nilai faedah X	Nilai faedah Y
A	Bentuk	Milikan
B	Tempat	Masa
C	Bentuk	Masa
D	Tempat	Milikan

3 Apakah **kelebihan** pengkhususan dalam pengeluaran

- I Kemahiran pekerja bertambah
- II Kos latihan dapat dikurangkan
- III Keluaran yang dihasilkan seragam
- IV Kualiti keluaran meningkat

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

4 Antara berikut, individu yang manakah terlibat dengan perdagangan?

- A Ejen insurans
- B Pekerja ladang
- C Pensyarah universiti
- D Operator pengeluaran

Dapatkan skema Jawapan di Laman

5 Antara berikut, manakah merupakan faktor pemilihan saluran agihan?

- A Campuran pemasaran
- B Keupayaan peruncit
- C Jarak perjalanan
- D Sasaran pasaran

6 Antara berikut, yang manakah fungsi Pasar Raya Besar?

- I Mengurus stok
- II Melakukan kerja akhir
- III Menyediakan kemudahan kredit
- IV Menjual pelbagai jenis barang

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

7 Antara berikut, pemborong manakah tidak mempunyai hak milik terhadap barang yang dijual?

- A Pemborong jobber para
- B Pemborong satu barisan
- C Pemborong bayar dan bawa
- D Pemborong pesanan berwakil

8 Maklumat berikut berkaitan dengan syarat masa serahan.

Barang dihantar kepada pembeli dalam masa dua atau tiga hari selepas pesanan diterima.

Apakah syarat masa serahan tersebut?

- A Serahan sedia
- B Serahan segera
- C Serahan semasa
- D Serahan hadapan

9 Maklumat berikut merupakan kelebihan kaedah jualan kepada pembeli.


- Boleh menggunakan barang untuk menghasilkan pendapatan.
- Boleh diuji pakai terlebih dahulu.

Apakah kaedah jualan tersebut?

- A Sewa beli
- B Jualan prabayar
- C Jualan kosainan
- D Bayaran tertunda

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 10 Rajah 2 adalah berkaitan dengan aktiviti perniagaan antarabangsa.



Rajah 2

Mengapakah aktiviti perniagaan antarabangsa tersebut berlaku?

- A Perbezaan sumber alam semulajadi
B Perbezaan tingkat teknologi
C Perbezaan kebudayaan
D Perbezaan pendapatan
- 11 Antara berikut, manakah satu bentuk sekatan dalam perniagaan antarabangsa?
- A Stag
B Bull
C Subsidi
D Embargo
- 12 Maklumat berikut menerangkan ciri satu bidang industri pembuatan.

- Beroperasi berasaskan bahan mentah yang terdapat di kawasan operasinya.
- Hasil keluaran lebih tertumpu kepada barang pengguna.

Apakah bidang tersebut?

- A Industri berasaskan sumber
B Industri berasaskan plastik
C Industri berasaskan logam
D Industri farmaseutikal

- 13 Maklumat berikut merupakan petikan berita dalam surat khabar tempatan.

*"Usahawan IKS perlu kreatif –
Hasilkan produk baru untuk pasaran antarabangsa"*
saranan
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir

*Utusan Malaysia
20 April 2009*

Apakah **kesan** saranan tersebut terhadap negara?

- A Mengukuhkan struktur asas industri
B Mengurangkan kadar pengangguran
C Membendung kenaikan kadar inflasi
D Mendapat pertukaran matawang asing
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan rakan kongsi dalam perniagaan perkongsian.

- Tidak terlibat dalam pengurusan.
- Tidak menyumbangkan sebarang modal.
- membenarkan namanya disenaraikan sebagai seorang pemilik perniagaan.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A rakan kongsi nominal
B rakan kongsi lelap
C rakan kongsi aktif
D rakan kongsi tetap
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis milikan pemiagaan.

Milikan	: 35 orang pemilik syer
Pembentukan	: Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Liabiliti	: Terhad
Laporan kewangan	: Tidak didedahkan kepada orang ramai.

Apakah jenis milikan pemiagaan tersebut?

- A Koperasi
B Perbadanan Awam
C Syarikat Awam Berhad
D Syarikat Sendirian Berhad

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan oleh Cik Masitah.


Cik Masitah membeli saham Syarikat Q&C Berhad yang disenaraikan di Bursa Saham pada harga RM1.50 dan menjualnya apabila harga naik kepada RM3.80 pada keesokan harinya.

Apakah aktiviti tersebut?

- A Pelaburan
 - B Spekulasi
 - C Opsyen
 - D Gilts
- 17 Pada 1 Mac 2008, Encik Jackie membeli sebuah rumah dengan harga RM180 000. Dia menyewakan rumah itu mulai 1 Julai 2008 dengan kadar RM800 sebulan. Pada 30 April 2009, dia menjual rumah itu dengan harga RM195 000.

Hitungkan jumlah pulangan yang diperoleh Encik Jackie atas pelaburan tersebut.

- A RM15 000
 - B RM15 800
 - C RM23 000
 - D RM24 000
- 18 Rajah 3 merupakan proses mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.



Rajah 3

Apakah nama perkhidmatan tersebut?

- A Overdraif
- B Arahan tetap
- C Akaun semasa
- D Akaun simpanan

- 19 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu jenis cek.

Cik Sarini telah mengeluarkan sekeping cek bertarikh 1 Mei 2009 pada 1 April 2009.

Apakah jenis cek tersebut?

- A Cek mati
- B Cek kosong
- C Cek bertanda
- D Cek bertarikh hadapan

- 20 Pernyataan berikut adalah maklumat berkaitan masalah Encik Ali.

Encik Ali pemilik kilang kelapa sawit menghadapi masalah mengembangkan perniagaan. Beliau sanggup operasi perniagaannya dikawal selia oleh pihak luar supaya beliau memperolehi modal yang diperlukan.

Antara berikut, manakah institut yang boleh membantu Encik Ali?

- A Syarikat jaminan kredit
- B Syarikat pemfaktoran
- C Syarikat kewangan
- D Syarikat pajakan

- 21 Berikut merupakan dialog antara Encik Ahmad dan Encik Chong di pejabat Syarikat Insurans Payung.

Encik Ahmad : Encik Chong, saya perkenalkan kawan saya Abu. Beliau bercadang untuk menginsuranskan rumahnya daripada risiko kecurian.
Encik Chong : Terima kasih, saya akan uruskan pembelian polisi tersebut.

Pilih pasangan yang betul.

	Insured	Insurer
A	Encik Abu	Encik Chong
B	Encik Abu	Syarikat Insurans Payung
C	Encik Ahmad	Encik Chong
D	Encik Ahmad	Syarikat Insurans Payung

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Aishah.

Puan Aishah menginsuranskan kedainya daripada kebakaran. Baru-baru ini kedainya terbakar tetapi tuntutan ganti rugi beliau ditolak. Syarikat insurans mendapati Puan Aishah tidak menyatakan dalam borang cadangan bahawa beliau menyimpan 20 tong gas sebagai stok perniagaannya.

Apakah prinsip insurans yang tidak dipatuhi oleh Puan Aishah?

- A Subrogasi
- B Sumbangan
- C Penuh percaya mutlak
- D Doktrin punca hampiran

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Zul.

Encik Zul, seorang pembeli rumah telah meninggal dunia. Isteri dan anak-anaknya boleh terus mendiami rumah tersebut tanpa bimbang perlu membayar ansuran bulanan lagi.

Apakah insurans yang telah diambil oleh Encik Zul semasa membeli rumah tersebut?

- A Insurans Pendidikan
- B Insurans Kesihatan
- C Insurans Kecurian
- D Insurans Gadaian

- 24 Maklumat berikut merupakan kelebihan satu jenis kapal.

- Boleh mengangkut barang pukal
- Tambang boleh tawar menawar
- Jadual perjalanan fleksibel

Apakah kapal tersebut?


- A Kapal kargo
- B Kapal kontena
- C Kapal kerentan
- D Kapal pesisir pantai

- 25 Pernyataan di bawah merujuk kepada satu ciri kontena.

Kontena ialah peti khas berukuran standard

Berdasarkan pernyataan tersebut apakah kelebihan menggunakan kontena dalam pengangkutan?

- A Memudahkan dokumentasi kastam
 - B Mengurangkan kerosakan dan kecurian
 - C Memudahkan kendalian menggunakan mesin
 - D Mengurangkan kos insurans dan bayaran pelabuhan
- 26 Rajah 4 menunjukkan faktor-faktor pemilihan jenis pengangkutan.



Rajah 4

Z merujuk kepada

- A Sasaran pengguna
 - B Maklumat barang
 - C Dasar kerajaan
 - D Nilai barang
- 27 Antara berikut, yang manakah peranan komunikasi?
- I Memperecepatkan penyebaran maklumat
 - II Memudahkan promosi
 - III Meluaskan pasaran
 - IV Mempelbagaikan pilihan pengguna
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Dapatkan skema Jawapan di Laman

28 Pilih kaedah komunikasi terpentas untuk menyampaikan maklumat.

- A Mel elektronik
- B Pos ekspres
- C Poslaju
- D Kurier

29 Bagaimanakah gudang membantu menstabilkan harga barang?

- A mengurangkan penawaran
- B menambah permintaan
- C melakukan kerja akhir
- D mengawal bekalan

30 Pilih kombinasi yang betul.

	Jenis Gudang	Lokasi
A	Gudang penyeteran sejuk	Kawasan tanaman padi
B	Gudang berbon	Lapangan terbang
C	Gudang pemborong	Kawasan perkilangan
D	Gudang pengilang	berhampiran pemborong

31 Rajah 5 menunjukkan satu jenis iklan.

INGIN TURUNKAN
BERAT BADAN
DALAM MASA SINGKAT?
 Selamat & Semulajadi Tanpa
 Sebarang Kesan Sampingan
 Mudah & Efisien

SMS < NAMA ><ALAMAT>
 Ke 013-5554812
www.Slim.Com/T1

Dapatkan
 Buku Panduan Kesihatan
Percuma!!

Rajah 5

Apakah jenis gaya tarikan iklan yang digunakan?

- A Pujukan moral
- B Pujukan emosi
- C Pujukan rasional
- D Pujukan komunikasi

- 32 Pernyataan berikut berkaitan dengan Puan Sarah.

Puan Sarah telah membuka restoran baru di bandar Taiping. Beliau telah mengumumkan untuk memberi jamuan makan pada hari pembukaannya.

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Iklan penerangan
 - B Iklan mengingat
 - C Promosi jualan
 - D Publisiti
- 33 Antara berikut, yang manakah faktor-faktor pemilihan media pengiklanan?
- A Jenis maklumat
 - B Sasaran pengguna
 - C Lokasi perniagaan
 - D Campuran pemasaran
- 34 Kegagalan pengeluar meletakkan label maklumat kandungan bahan boleh didakwa di bawah
- A Akta Kawalan Harga 1946
 - B Akta Jualan Barangan 1957
 - C Akta Perihal Dagangan 1972
 - D Akta Timbang dan Sukat 1972
- 35 Pernyataan berikut merupakan pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan.

- Diberikan kepada industri berorientasi modal.
- Merupakan potongan cukai pada tahun permulaan perniagaan.
- Pengecualian cukai bagi perbelanjaan membina kilang.

Apakah pelepasan cukai tersebut?

- A Taraf Perintis
 - B Potongan Cukai
 - C Elaun Cukai Pelaburan
 - D Elaun Pelaburan Semula
- 36 Antara berikut, yang manakah merupakan hak seorang pengguna?
- I Membuat pilihan
 - II Menyebarkan maklumat
 - III Membatalkan pesanan tanpa alasan
 - IV Mendapat keselamatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- Dapatkan skema Jawapan di Laman

- 37 Apakah tanggungjawab peniaga kepada pemodal perniagaan?
- A Sentiasa berusaha memperbaiki mutu keluaran
 - B Membayar pembekal seperti yang dijanjikan
 - C Membayar cukai pendapatan pada masanya
 - D Menguruskan perniagaan dengan cekap
- 38 Pilih pernyataan yang menggambarkan pembeli yang bijak.
- A Puan Rozita sering berulang alik ke pasar raya kerana kehabisan keperluan harian.
 - B Puan Lim membeli pakaian sekolah anaknya sehari sebelum sekolah dibuka.
 - C Cik Punitha enggan membeli baju kerana beliau tidak dibenarkan mencuba.
 - D Cik Eleena membeli-belah mengikut gerak hatinya.

Pilihan jawapan bagi Soalan 39 dan Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Iklan memujuk ialah memperkenalkan maklumat barang seperti harga, kegunaan dan keistimewaan barang.
- II Campuran pemasaran terdiri daripada produk, harga, promosi dan agihan.
- 40 I Penjual mesti memberi ganjaran setimpal kepada pekerjaanya.
- II Pembeli tidak menawarkan harga sehingga merugikan penjual.

KERTAS SOALAN TAMAT

Dapatkan skema Jawapan di Laman